

19 AUG 2000

Melayu-Hak

DAVID CHUA BERI PENJELASAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Timbalan Setiausaha Agung Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia (ACCCIM) Datuk David Chua telah memberikan penjelasan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung kenyataannya yang mencetuskan kontroversi mengenai hak istimewa orang Melayu.

"Saya telah menegaskan kepada beliau bahawa saya tidak pernah membangkitkan persoalan untuk menghapuskan hak istimewa orang Melayu kerana ianya termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

"Kontroversi telah timbul semata-mata laporan kurang tepat setengah media mengenai kenyataan saya dan/atau mensensasikannya," kata beliau.

Sambil menyatakan Perdana Menteri nampaknya menerima penjelasan itu, Chua berkata beliau sungguh berterima kasih dan menghargai persefahaman Dr Mahathir dalam hal itu.

"Demi kepentingan keharmonian kaum di negara kita, saya dengan ikhlasnya menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia supaya jangan terus menghebohkan perkara ini lagi," kata Chua, yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II).

Khamis lepas, Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan tidak akan berganjak "walau satu langkah pun" dalam mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu.

Perdana Menteri menyatakan demikian di Putrajaya selepas menerima memorandum daripada 13 persatuan dan kumpulan yang mahu supaya hak keistimewaan orang Melayu terus dikekalkan.

Selain laporan secara meluas dalam media mengenai kenyataan Chua, memorandum itu juga dibuat berikutan desakan 11 persatuan Cina yang didakwa membangkitkan semula tuntutan termasuk mendesak dimansuhkan perbezaan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Sementara itu Dewan Pemuda PAS Pusat berkata, isu sensitif itu tidak patut sama sekali dibangkitkan terutama ketika rakyat sedang bersiap menyambut ulangtahun kemerdekaan negara.

Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar berkata, semua pihak tahu bahawa orang Melayu telah berjuang bermati-matian untuk kemerdekaan negara ini dan mereka wajar mendapat hak istimewa itu.

"Dewan Pemuda berpandangan bahawa isu sebegini yang sensitif dan perkauman tidak wajar dibangkitkan oleh mana-mana pihak kerana ia akan menghiris perasaan dan sensitiviti orang Melayu dan mungkin juga akan mendatangkan hubungan yang tegang antara kaum di negara ini," katanya dalam satu kenyataan.

-- BERNAMA

RV AZZ PR